

## **DEFINISI BIDANG SINTAKSIS**

### **Apakah Sintaksis ?**

- Cabang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat.
- Manusia berkemampuan membentuk ayat-ayat yang tidak pernah didengar dan dilihatnya.
- Bagaimana perkataan digabungkan untuk membentuk ayat
- Sistem yang mengkaji peraturan dan kategori dalam asas pembentukan ayat bagi sesuatu bahasa.\
- Sintaksis bukan sahaja mengkaji proses pembinaan ayat tetapi juga hukum-hukum yang menentukan bagaimana perkataan disusun dalam ayat.

### **Definisi Sintaksis**

Menurut Nik Safiah Karim (2008)

- Sintaksis dapat ditakrifkan sebagai bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat.
- Sintaksis juga dikenali sebagai kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat dalam sesuatu bahasa.
- Bidang ilmu bahasa yang mengkaji proses pembinaan ayat.
- Melibatkan kajian tentang bentuk, struktur dan binaan ayat serta hukum atau rumus tatabahasa mengenai cara-cara penggabungan ayat.
- Selain itu, kajian sintaksis juga melibatkan aspek perbezaan binaan ayat melalui jenis-jenis ayat dan ragam ayat.

Menurut Abdullah Hassan(2006)

- Bidang linguistik yang mengkaji binaan ayat; bagaimana kata disusun menjadi frasa, dan bagaimana frasa disusun menjadi ayat

Menurut Dewan Bahasa Edisi Keempat

- Sintaksis bermaksud satu cabang linguistik yang mengkaji peraturan dan susunan kata dalam satu ayat.

Menurut Syarifah Nor Syed Merujuk Kepada Bahasa Melayu Teks Rujukan Lengkap **STPM**

- Sintaksis dijelaskan sebagai satu bidang ilmu bahasa yang mengkaji proses pembinaan ayat. Kajian yang dimaksudkan ialah merangkumi kajian tentang hukum tatabahasa berkaitan kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan untuk menghasilkan sesuatu ayat yang gramatis dan bermakna

Menurut Dr Ali Mahmood dan Munsyi Zainal Abidin Kasim dalam buku Morfologi Dan Sintaksis Bahasa Melayu

- Menerangkan bahawa sintaksis ialah satu cabang ilmu yang mengkaji bentuk, struktur dan konstruksi ayat. Sintaksis juga mengkaji proses pembinaan ayat dan hukum-hukum atau peraturan bahasa yang menentukan bagaimana sesuatu perkataan itu disusun dalam serangkai ayat yang bermakna.

Menurut Samsu Yaacob dalam Senarai Semak Sistem Ejaan dan Tatabahasa Bahasa Melayu ( Edisi Kemas Kini )

- sintaksis adalah suatu bidang linguistik yang mengkaji proses-proses pembinaan ayat. Unsur-unsur yang terdapat dalam binaan sintaksis ialah frasa dan klausa. Gabungan frasa dan klausa akan menghasilkan ayat yang dapat berfungsi dan bermakna.

### Kesimpulan Definisi Sintaksis

Kesimpulannya, sintaksis boleh dijelaskan sebagai suatu bidang ilmu linguistik yang mengkaji proses pembinaan ayat. Binaan sintaksis ini seharusnya terdiri daripada beberapa unsur seperti frasa dan klausa atau subjek dan predikat. Proses pembinaan ayat ini didasari hukum dan peraturan yang tertentu agar ayat-ayat yang dihasilkan mengandungi makna yang lengkap dan difahami. Pembinaan ayat yang gramatis sewajarnya saling dilengkapi frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif atau frasa sendi nama yang digabungkan dengan klausa bebas atau klausa tidak bebas.

Secara mudah dapat disimpulkan sintaksi Cabang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat.

Sintaksis bukan sahaja mengkaji proses pembinaan ayat tetapi juga hukum-hukum yang menentukan bagaimana perkataan disusun dalam ayat.

### PERBEZAAN MORFOLOGI DAN SINTAKSIS

Morfologi – merupakan kajian tentang pembentukan kata dalam sesuatu bahasa, termasuk infleksi, terbitan, dan pemajmukan.

Morfologi – juga merupakan bidang tatabahasa yang mengkaji morfem dan pembinaan perkataan dalam suatu bahasa.

Sintaksis – pula merupakan bidang linguistik yang mengkaji proses pembinaan ayat.

### PENUTUP - SINTAKSIS

Pembinaan ayat dengan menggunakan tatabahasa yang betul iaitu mengikut peraturan dan sistem dalam sesuatu bahasa sangat penting kerana pembinaan ayat yang mantap akan menjadikan barisan-barisan ayat mudah difahami pembaca disamping, relevan serta gramatis bagi menarik minat seseorang untuk membaca dan dipakai mengikut peredaran zaman dan pada

era kini. Walaupun bahasa melayu banyak berubah dari segi sebutan atau kosa kata baharu dalam setiap bidang namun, tatabahasa penggunaanya menentukan bahawa setiap tingkat yang membentuk ayat adalah sama.

## JENIS DAN BINAAN FRASA

### PENGENALAN FRASA

Frasa ialah unit yang boleh terdiri daripada satu susunan yang mengandungi sekurang kurangnya dua patah perkataan ataupun satu patah perkataan yang berpotensi untuk diperluas menjadi dua patah perkataan atau lebih. Perbezaan frasa dengan klausa ialah frasa tidak mengandungi subjek dan predikat. Dalam satu susunan tatabahasa, frasa boleh menjadi konstituen kepada klausa ataupun konstituen frasa itu sendiri. Perhatikan contoh yang berikut:

<b>FRASA</b>
Sekolah
Sekolah rendah
Sebuah sekolah
Sebuah sekolah rendah
Sebuah sekolah rendah luar bandar

Dalam contoh di atas, *sekolah* bukan lagi bertaraf perkataan, tetapi boleh dinamakan frasa kerana bentuk itu boleh diperluas menjadi *sekolah rendah*, *sebuah sekolah*, *sebuah sekolah rendah*, *sebuah sekolah luar bandar*. Binaan frasa dalam bahasa Melayu terdiri daripada rasa nama, frasa kerja, frasa adjektif atau frasa sendi nama.

#### Frasa Nama

Frasa nama ialah frasa yang terdiri daripada kata nama sebagai unsur intinya. Unsur intinya boleh wujud secara bersendirian sebagai satu patah perkataan ataupun diikuti oleh penerang sesudah unsur inti tersebut.

Contoh:

1. *Abang* menuntut di university
2. *Abang sulung keluarga itu* menuntut di universiti

Dalam ayat (1), unsur inti bagi subjek ayat itu ialah frasa nama *abang* yang hanya terdiri daripada satu patah perkataan. Ayat (2) pula menunjukkan bahawa unsur inti bagi frasa nama boleh diikuti oleh penerang. Inti ialah unsur yang menjadi fokus utama bagi sesuatu frasa,

manakala penerang merupakan penjelasan yang menerangkan makna inti tersebut. Misalnya, dalam frasa *abang sulung keluarga itu*, intinya ialah *abang*, manakala *sulung keluarga itu* ialah penerang yang menerangkan *abang*. Contoh *inti + penerang* bagi binaan frasa nama adalah seperti berikut:

### **FRASA NAMA**

INTI	PENERANG
mesyuarat	agung tahunan
pensyarah	institut pendidikan guru
klinik	pakar kanak-kanak

Terdapat juga unsur bukan nama yang boleh menjadi inti dan menduduki subjek frasa nama, iaitu apabila unsur itu memainkan tugas dan berfungsi sebagai kata nama. Contohnya, seperti kata kerja *berlumba* dan *menderma* serta kata adjektif *merah* dalam ayat-ayat yang berikut:

3. *Berlumba* di lebuh raya membahayakan diri sendiri.
4. *Menderma* perbuatan terpuji.
5. *Merah* warna kegemarannya.

Sesuatu ayat yang sempurna boleh terdiri daripada frasa nama sebagai subjek dan predikat seperti contoh yang berikut:

SUBJEK (FRASA NAMA)	PREDIKAT (FRASA NAMA)
6. Wilayah Persekutuan	ibu negara Malaysia.
7. Puan Norihan	guru sekolah menengah.
8. Kereta putih itu	kepunyaan bapa.
9. Kanak-kanak itu	murid tahun satu.

## FRASA KERJA

Frasa kerja ialah frasa yang terdiri daripada kata kerja sebagai unsur intinya. Frasa kerja bertugas sebagai predikat dalam susunan ayat biasa seperti contoh yang berikut:

SUBJEK	PREDIKAT (FRASA KERJA)
10. Budak itu	menjerit sekuat-kuat hatinya.
11. Atlet itu	berlari seantas kilat.
12. Wangnya	tersimpan dalam amanah saham.
13. Puan Julita	menyanyi dengan suara yang merdu.

Binaan frasa kerja boleh terdiri daripada kata kerja tak transitif atau kata kerja transitif. **Kata kerja tak transitif** ialah kata kerja yang tidak memerlukan objek, iaitu ia tidak diikuti oleh frasa nama sebagai penyambut untuk melengkapannya. Contohnya seperti ayat-ayat yang berikut:

- 14. Adik tidur *lena di dalam buaian*.
- 15. Budak-budak itu bergaduh *sesama sendiri*.
- 16. Anak kucingnya terjatuh *ke dalam perigi buta*.

Ayat (14), (15) dan (16) menunjukkan kata kerja *tidur*, *bergaduh*, *terjatuh* tidak diikuti oleh frasa nama sebagai objek, maka kata kerja ini tergolong sebagai kata kerja tak transitif. Sebaliknya, kata kerja jenis ini boleh diikuti oleh unsur pelengkap dan penerang. Pelengkap ialah perkataan yang hadir selepas kata kerja tak transitif dan berfungsi untuk melengkapkan kata kerja tersebut. Pelengkap tidak boleh ditiadakan kerana tanpanya kata kerja tersebut tidak sempurna. Perhatikan contoh-contoh tersebut:

### Pelengkap Kata Nama

Kata Kerja Tak Transitif	Pelengkap
beratapkan	bertam
beralaskan	sutera China

## **KLAUSA**

Klausa ialah satu unit gabungan perkataan yang mengandungi subjek dan predikat dan menjadi unsur kepada ayat. Ia boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu:

a) Klausa bebas / klausa utama

- ia boleh berdiri dengan sendiri sebagai ayat yang lengkap sekiranya disertai oleh intonasi yang sempurna.

b) Kalusa tidak bebas

- ia tidak dapat berdiri sendiri kerana kekurangan subjek atau predikat atau kata hubung yang mengikat klausa berkenaan

Contoh : Kamu mesti belajar untuk mencapai kejayaan

Kamu mesti belajar > klausa bebas

untuk mencapai kejayaan > kalusa tidak bebas

### **Klausa**

Klausa ialah satu lagi unit ayat yang agak berbeza daripada frasa.

Frasa tidak mungkin menjadi ayat yang lengkap tetapi klausa mungkin menjadi ayat yang lengkap kerana klausa mempunyai subjek dan predikat, iaitu unsure utama yang wajib untuk status ayat.

Sebagai unsur ayat, klausa boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu klausa bebas dan klausa tak bebas.

### **Klausa bebas**

Klausa bebas bersifat ayat yang lengkap (ada subjek dan predikat) dan dengan itu boleh berdiri sendiri sebagai ayat apabila diucapkan atau ditulsi. Perhatikan contoh berikut:

<b>Klausa</b>		<b>Ayat</b>	
Subjek	Predikat	Subjek	Predikat
budak itu	mendengar radio	Budak itu	mendengar radio
ujian tadi	amat susah	Ujian tadi	amat susah
jambatan itu	jambatan kayu	Jambatan itu	jambatan kayu

mereka	ke pantai	Mereka	ke pant
--------	-----------	--------	---------

Perbezaan ayat dengan klausa bebas amat kecil sekali.

Ayat dimulai dengan huruf besar dan diakhiri dengan nokhta, manakala klausa tidak.

### Klausa Tak Bebas

Klausa tak bebas hampir sama sifatnya dengan klausa bebas, yakni ia terdiri daripada unsur subjek dan predikat.

Ciri utamanya ialah ia didahului oleh kata hubung seperti kerana, sungguhpun, walaupun, apabila, tatkala dan sebagainya.

Perhatikan contoh-contoh di bawah. Klausa tak bebas digaris di bawahnya dan klausa bebas ditebalkan hurufnya. Dalam ayat seperti ini, klausa bebas juga dikenali sebagai **klausa utama**.

**Ahmad gagal** kerana dia tidak membaca soalan denganteliti terlebih dahulu.

Sungguhpun dia sibuk, **dia datang juga**.

**Ahmad akan menyertai perlawanan itu** jika dibenarkan oleh ibunya.

Kalau hujan turun berlarutan, **penoreh getah akan menghadapi masalah kewangan**.

Pengetahuan mengenai klausa amat penting dalam membina dan menganalisis ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancanan dan ayat campuran.

Ini kerana ayat-ayat ini mempunyai dua atau lebih klausa; iaitu ada klausa bebas dan ada klausa tak bebas.

Di samping itu, bilangan klausa serta jenis klausa menentukan bentuk-bentu ayat dalam bahasa Melayu.

## SINTAKSIS – KLAUSA

### Ayat

- Ayat ialah binaan yang terdiri daripada **unsur** ayat, iaitu unit-unit yang membentuk ayat.
- *Contohnya:* Ahmad sedang membuat kerja rumah
- Contoh ayat di atas terdiri daripada dua bahagian iaitu (i) *Ahmad sedang* dan bahagian (ii) *membuat kerja rumah*.
- Bahagian subjek dan predikat, merupakan bahagian utama yang membentuk klausa atau ayat bahasa Melayu. Subjek dan prediket pula mempunyai unsur-unsur, iaitu sama ada **frasa nama (FN)**, **frasa kerja (FK)**, **frasa adjektif (FA)** dan **frasa sendi nama (FS)**.
- Lihat contoh-contoh berikut dan kaji unsur-unsur (frasa) yang mendasari ayat.

SUBJEK AYAT	PREDIKAT AYAT	FRASA SUBJEK	FRASA PREDIKAT	RUMUS POLA AYAT
Ahmad	mengulangkaji tatabahasa	Frasa Nama	Frasa Kerja	FN + FN
Cikgu	ke sekolah	Frasa Nama	Frasa Sendi Nama	FN + FS
Fatimah	amat rajin	Frasa Nama	Frasa Adjektif	FN + FA
Ah Chong	seorang usahawan	Frasa Nama	Frasa Nama	FN + FN

### Frasa

- Frasa ialah satu binaan atau unsur ayat yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua perkataan atau jika terdiri daripada satu perkataan, ia berpotensi untuk diperluas menjadi dua perkataan atau lebih.
- Frasa **tidak boleh** dipecahkan kepada subjek dan predikat.
- Seperti yang diterangkan di atas, ada empat jenis frasa iaitu **FN**, **FK**, **FA** dan **FS**
- Menurut binaannya, frasa dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu frasa endosentrik dan frasa eksosentrik.

## Binaan Ayat

- Bahagian subjek dan bahagian predikat merupakan bahagian utama yang membentuk klausula atau ayat dalam Bahasa Melayu. Subjek dan predikat mempunyai unsur-unsur.
- Perhatikan contoh di bawah:

Subjek		Subjek	
Bah. Ayat	Unsur	Bah. Ayat	Unsur
Ah Tian		guru senaman	
Tipah		membeli gula	
Suara ketua pengawas itu		serak-serak basah	
Munainady		menoreh getah	

- Jadual di atas menunjukkan rumus binaan ayat yang mudah. Bahasa subjek dibina oleh frasa nama dan predikat dibina sama ada oleh frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama.

## Ayat Dasar dan Ayat Terbitan

- Perhatikan ayat berikut:

Pelajar itu membaca buku.

- Ayat ini terdiri daripada satu klausula kerana mempunyai satu subjek (pelajar itu) dan satu predikat (membaca buku).
- Ayat seperti ini dipanggil ayat dasar kerana menjadi punca penerbitan ayat-ayat lain.
- Jika kita hendak menambah maklumat kepada maklumat kepada maklumat asas itu dengan penerangan kepada maklumat asas itu dengan penerangan kepada subjek atau penerangan kepada predikat, maka ayat berkenaan boleh menjadi seperti berikut:

*Pelajar tingkatan enam itu membaca buku. (*tingkatan enam* menjadi **penerang** kepada pelajar, iaitu subjek ayat)*

## POLA AYAT DASAR

Menurut Tatabahasa Dewan, ayat dasar ialah ayat yang menjadi dasar atau sumber bagi pembentukan semua ayat lain dalam sesuatu bahasa. Walaupun terdapat pelbagai jenis ayat dari segi binaan dan susunannya, dan dari segi panjang pendeknya dalam sesuatu bahasa, namun jika dikaji asas binaannya maka semua ayat itu boleh dikesan rangka dasarnya sebagai berasal daripada beberapa pola tertentu.

Dalam bahasa Melayu, pola ayat dasar boleh dibahagikan kepada empat jenis, dengan berpandu pada jenis-jenis unsur yang hadir sebagai konstituen ayat-ayat itu (jenis-jenis subjek dan predikatnya). Konstituen subjek, pada umumnya, diisi oleh frasa nama, sementara konstituen predikat pula diisi oleh empat jenis unsur yang berbeza, iaitu frasa nama (FN), frasa kerja (FK), frasa adjektif (FA) dan frasa sendi nama (FSN). Empat jenis unsur pengisi konstituen predikat inilah yang menubuhkan empat jenis pola ayat dasar bahasa Melayu seperti yang berikut:

- i. *Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN)*
  - ii. *Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK)*
  - iii. *Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA)*
  - iv. *Frasa Nama + Frasa Sendi Nama ( FN + FS)*
- a. Frasa

Frasa ialah unit tatabahasa yang boleh terdiri daripada satu susunan yang mengandungi sekurang-kurangnya satu atau dua perkataan yang berpotensi untuk diperluaskan menjadi dua perkataan atau lebih.

Frasa menjadi subjek atau predikat dalam binaan ayat serta menjadi konstituen atau binaan kepada klaus. Frasa terbahagi kepada empat, iaitu frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama.

Dalam setiap frasa ada perkataan yang dikenali sebagai inti frasa, iaitu perkataan yang paling penting dalam frasa. Contoh (berdasarkan Pola FN+FN) :

### **Kakak saya seorang pramugari = Kakak pramugari**

Di sini ‘kakak’ dan ‘pramugari’ adalah inti frasa kepada kedua-dua pola tersebut. Jenis perkataan yang menjadi inti frasa menentukan sama ada ia menjadi frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif atau frasa sendi nama.

#### **Frasa Nama (FN)**

Frasa Nama yang terbentuk daripada sederetan perkataan mempunyai dua jenis hubungan antara perkatan-perkataan ini :

- a) inti & penerang

Contoh : *Guru sekolah menengah itu* sedang menasihati murid-muridnya (FN+FK)

Guru > inti ; sekolah menengah itu à penerang

- b) inti & inti.

Contoh : *Ibu bapa* perlu mendidik anak (FN+FK)

Ibu > inti ; bapa > inti.

Dalam binaan frasa nama, penyusunan setiap konstituen amat pentng untuk menentukan sama ada frasa nama itu digunakan dengan betul atau tidak. Oleh itu, peraturan Hukum D-M, penggunaan kata bilangan serta panggilan dan penerang mestilah sesuai dalam frasa nama.

### **Frasa Kerja (FK)**

Frasa kerja terbina daripada satu perkataan sahaja (iaitu terdiri daripada kata kerja tak transitif) atau sederetan perkataan yang menjadi unsur predikat dalam ayat. Binaan frasa kerja terbahagi kepada dua :

- a) Frasa kerja yang tidak mengandungi objek dan tidak memerlukan kata nama sebagai penyambung untuk melengkapannya. Kata kerja di sini ialah kata kerja tak transitif.

Contoh : Adik *menangis* (FN+FK)

- b) Frasa kerja yang mengandungi objek selepas kata kerja untuk

melengkapkan frasa ini. Kata kerja di sini ialah kata kerja transitif yang memerlukan objek yang terdiri daripada kata nama. Objek berkenaan boleh diikuti oleh penerang.

Contoh : Saya *menangkap burung gagak di hutan.* (FN+FK) ;

burung gagak > objek

di hutan > penerang

### **Frasa Adjektif (FA)**

Frasa adjektif boleh terbina daripada satu perkataan atau sederetan perkataan yang mengandungi kata adjektif sebagai inti. Frasa adjektif adalah unsur predikat dalam binaan ayat atau sebagai unsur keterangan dan unsur penerang dalam predikat yang hadir selepas kata kerja. Manakala sebagai kata penerang, kata adjektif hadir selepas kata nama.

Binaan frasa adjektif yang terdiri daripada satu perkataan sahaja adalah seperti malas, muram, dan kosong. Frasa adjektif juga boleh dibahagikan kepada dua golongan :

- a) Kombinasi dua kata adjektif yang menekankan beberapa unsur:

- keserasian makna. Contoh : cantik molek, penat lelah
- makna berlawanan. Contoh : baik buruk, kecil besar
- keindahan bunyi ritma. Contoh : lemah longlai, kusut masai

b) Binaan frasa adjektif yang terdiri daripada kata adjektif sebagai inti dan kata nama sebagai penerang. Ia membawa dua maksud

- keserupaan. Contoh : merah darah , hijau daun
- kiasan. Contoh : panjang tangan, besar kepala

Dalam frasa adjektif, kata penguat boleh hadir dalam beberapa keadaan:

- Di hadapan : paling degil, amat bijak
- Di belakang : murah sekali, cepat benar
- Secara bebas : amat cantik, cantik amat.
- Secara berderetan : sungguh berani sekali, belum cerdik lagi

Dalam susunan ayat biasa, frasa adjektif hadir sebagai predikat, sebagai kata keterangan selepas kata kerja dan penerang selepas frasa nama. Dalam susunan ayat biasa, frasa adjektif boleh mengalami susunan songsang. Contoh :

Rumah Ani amat besar sekali > Amat besar sekali rumah Ani

### **Frasa Sendi Nama (FSN)**

Frasa sendi nama ialah binaan dalam ayat yang terdiri daripada satu sendi nama dan frasa nama yang menjadi pelengkap kepada sendi nama itu. Dalam binaan ayat biasa, frasa sendi nama menjadi predikat dalam ayat.

Frasa sendi nama boleh dibentuk melalui empat cara :

- Sendi nama dan frasa nama. Contoh : di pasar
- Sendi nama, kata nama arah dan frasa nama. Contoh : di tepi pasar
- Sendi nama, kata nama arah, frasa nama dan ayat komplemen. Contoh : ke dalam hutan untuk menangkap rusa. (binaan ketiga ini memperlihatkan kita bahawa unsur kata nama arah dan ayat komplemen merupakan unsur pilihan)
- Sendi nama, kata nama arah, frasa nama dan frasa keterangan. Contoh : di selatan negeri China pada tiap-tiap bulan.(binaan keempat ini memperlihatkan unsur keterangan bersifat pilihan)

### **Pola 1: Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN)**

Ayat-ayat yang dibina berdasarkan pola ini menggunakan Frasa Nama ( FN ) sebagai subjek dan Frasa Nama ( FN ) sebagai prekikat.

Contoh ayat bagi pola ( FN+FN ) :

*Ahmad ialah guru.*

Ahmad merupakan frasa nama begitu juga dengan guru. Ayat tersebut tidak menjadi terbitan kerana tidak mempunyai imbuhan.

### **Pola 2: Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK)**

Ayat-ayat yang dibina berdasarkan pola ini menggunakan Frasa Nama ( FN ) sebagai subjek dan Frasa Kerja ( FK ) sebagai prekikat.

Contoh ayat bagi pola ( FN+FK ) :

*Ahmad berlari.*

Ahmad merupakan frasa nama manakala berlari merupakan frasa kerja iaitu daripada kata dasar lari.

### **Pola 3: Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA)**

Ayat-ayat yang dibina berdasarkan pola ini menggunakan Frasa Nama ( FN ) sebagai subjek dan Frasa Adjektif ( FA ) sebagai prekikat.

Contoh ayat bagi pola ( FN+FA ) :

*Ahmad tinggi.*

Ahmad merupakan frasa nama manakala tinggi merupakan kata adjektif atau pun kata sifat iaitu sifat Ali yang tinggi.

### **Pola 4: Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FSN)**

Ayat-ayat yang dibina berdasarkan pola ini menggunakan Frasa Nama ( FN ) sebagai subjek dan Frasa Sendi Nama ( FSN ) sebagai prekikat.

Contoh ayat bagi pola ( FN+FSN ) :

*Rumahnya disebelah balai Polis.*

Rumah merupakan frasa nama manakala *di* merupakan kata sendi nama. Manakala balai polis hanyalah prediket ayat.

Ayat dasar ini juga mengandungi beberapa ciri iaitu, boleh terdiri dari satu klausa utama sebagai satu susunan biasa. Ini kerana ayat dasar terdiri dari satu subjek dan satu predikat. Ayat dasar juga bertindak sebagai ayat penyata bagi menyatakan sesuatu. Selain itu, ayat dasar juga bertindak sebagai ayat aktif. Ayat dasar ini biasanya adalah ayat yang ringkas maka ayat ini berpotensi untuk diperluaskan. Ayat ini juga tidak mempunyai kata hubung yang menyambung antara dua ayat.

#### POLA AYAT DASAR

- Pola ayat dasar mempunyai rumusnya tersendiri.
- Rumus-rumus ini boleh terdiri daripada unsur-unsur Frasa Nama (FN), Frasa Kerja (FK), Frasa Adjektif (FA) atau Frasa Sendi Nama (FS)
- *Lihat contoh berikut:*

<b>Subjek Ayat</b>	<b>Predikat Ayat</b>	<b>Frasa Subjek</b>	<b>Frasa Predikat</b>	<b>Rumus Pola Ayat</b>
Jamilah	pengurus sumber manusia	Frasa Nama	Frasa Nama	FN+FN
Atan	budak pandai	Frasa Nama	Frasa Adjektif	FN+FA

## **JENIS AYAT**

Ayat-ayat dalam bahasa Melayu boleh dibahagikan kepada empat jenis, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan.

### **Ayat Penyata**

- Ayat penyata ialah ayat yang diucapkan dengan maksud untuk menyatakan atau menerangkan sesuatu hal.
- Ayat penyata juga dikenali sebagai ayat berita atau ayat keterangan.

contoh:

- a) Pelajar-pelajar sedang mengulang kaji pelajaran di perpustakaan.
- b) Normah tidak pergi ke sekolah pada hari ini.
- c) Dia suka menonton rancangan televisyen.
- d) Datuk sedang berehat di ruang tamu.
- e) Kami sekeluarga akan melancong ke Taiwan.

### **Ayat Tanya Dengan Kata Tanya**

- Ayat tanya dengan kata tanya ialah ayat yang menggunakan kata tanya seperti apa, siapa, bila, mana, bagaimana dan sebagainya.

contoh:

- a) Barang itu apa?
- b) Pemain piano itu siapa?
- c) Hari jadi kamu bila?
- d) Pejabat pos di mana?
- e) Keadaan nenek kamu bagaimana?

Dalam bentuk tulisan, ayat-ayat tanya ini perlu menerima partikel "-kah" dan diletakkan di hadapan ayat.

contoh:

- a) Apakah barang itu?
- b) Siapakah pemain piano itu?
- c) Bilakah hari jadi kamu?
- d) Di manakah pejabat pos?
- e) Bagaimanakah keadaan nenek kamu?

## Ayat Perintah

- Ayat perintah ialah ayat yang digunakan untuk menimbulkan sesuatu tindakan.
  - Ayat perintah terdiri daripada empat jenis, iaitu:
- a) Ayat suruhan
  - b) Ayat larangan
  - c) Ayat silaan
  - d) Ayat permintaan

Panduan Umum Penggunaan Jenis-jenis Ayat Perintah Ayat Perintah

Ayat Suruhan Memberi arahan atau memerintah seseorang membuat sesuatu.

Contoh

1. Minumlah teh ini dahulu.
2. siapkan kerja sekolah ini.
3. Fikirkanlah sebelum bertindak.

## Ayat Larangan

- Melarang seseorang daripada melakukan sesuatu.
- Menggunakan kata larangan seperti jangan, usah atau tak usah.

Contoh

1. Jangan petik bunga itu.
2. Usah bermain di tepi jalan.
3. Tak usah kau campur tangan dalam hal saya.

## Ayat Silaan

- Menjemput atau mempersilakan seseorang
- Menggunakan kata silaan seperti sila atau jemput.

Contoh

1. Sila beratur sebelum masuk ke dalam kelas.
2. Silalah pakai topi keledar.
3. Jemput makan bersama-sama.
4. Jemputlah datang ke rumah saya.

## Ayat Permintaan

- Memohon permintaan dan pertolongan.
- Menggunakan kata permintaan seperti minta atau tolong.

Contoh

1. Minta tuan-tuan dan puan-puan mengambil tempat duduk masing-masing.
2. Minta anda semua bersabar.
3. Tolong ambilkan saya secawan air.
4. Tolong uruskan perkara ini dengan segara.

## Ayat Seruan

- Ayat seruan ialah ayat yang digunakan untuk melahirkan perasaan seperti takut, marah, gembira, sakit, benci dan sebagainya.
- Tanda seru (!) biasanya diletakkan pada akhir ayat seruan.
- Ayat seruan didahului oleh kata seru seperti amboi, wah, eh, oh, aduh, cis dan sebagainya.

contoh:

- a) Amboi, cantiknya gadis itu!
- b) Wah, mahalnya baju ini!
- c) Oh, aku lupa bawa wang hari ini!
- d) Cis, berani kamu pukul saya!
- e) Syabas, kamu telah menang!

## SUSUNAN AYAT

- Terdapat dua bentuk susunan ayat dalam bahasa Melayu, iaitu susunan biasa dan susunan songsang.
- Dalam susunan biasa, subjek terletak di hadapan ayat manakala predikat pula terletak di belakang ayat.
- Ayat songsang ialah ayat yang predikatnya di hadapan dan subjeknya di belakang.

Ayat Biasa = Subjek + Predikat

Ayat Songsang = Predikat + Subjek

Ayat contoh:

1. Encik Ahmad seorang doktor.(Ayat Biasa)  
Seorang doktor Encik Ahmad. (Ayat Songsang)
  
2. Itu rumah saya.(Ayat Biasa)  
Rumah saya itulah.(Ayat Songsang)
  
3. Perempuan itu siapa? (Ayat Biasa)  
Siapa perempuan itu? (Ayat Songsang)
  
4. Kasut adik belum bercuci. (Ayat Biasa)  
Belum bercuci kasut adik. (Ayat Songsang)
  
5. Pokok itu sangat tinggi.(Ayat Biasa)  
Sangat tinggi pokok itu.(Ayat Songsang)

\* Partikel "-lah" (untuk ayat penyata) dan partikel "-kah" (untuk ayat tanya) digunakan untuk memberi penekanan kepada predikat dalam ayat.

Ayat songsang boleh dibentuk melalui proses pendepenan, iaitu:

- Pendepenan seluruh predikat
- Pendepenan sebahagian daripada predikat

Pendepenan Seluruh Predikat

### **Ayat Biasa Ayat Songsang**

1. Masakan ibu lazat sekali.  
1. Lazat sekali masakan ibu.
  
2. Baju itu dijahit oleh ibu.  
2. Dijahit oleh ibu baju itu.
  
3. Abangnya seorang pensyarah.  
3. Seorang pensyarah abangnya.

(b) Pendepenan Sebahagian Daripada Predikat

### **Ayat Biasa Ayat Songsang**

1. Kanak-kanak bermain layang-layang di padang itu.(Ayat Biasa)
1. Bermain layang-layang kanak-kanak di padang itu. .(Ayat Songsang)
  
2. Saya akan balik ke kampung esok.(Ayat Biasa)
2. Akan balik saya ke kampung esok.(Ayat Songsang)
  
3. Hatinya tersinggung dengan kata-kata kawannya.(Ayat Biasa)
3. Tersinggung hatinya dengan kata-kata kawannya.(Ayat Songsang)

### **AYAT TUNGGAL DAN AYAT MAJMUK**

#### **Ayat Seruan**

- Ayat tunggal ialah ayat yang mengandungi satu subjek dan satu predikat.
- Ayat Tunggal = 1 Subjek + 1 Predikat

contoh:

- a) Bee Hong seorang jururawat.
- b) Kucing itu sedang mengejar seekor tikus.
- c) Malaysia aman damai.
- d) See Ling ke Pulau Langkawi pagi tadi.

#### **Ayat Majmuk**

- Ayat majmuk ialah ayat yang mengandungi dua atau lebih ayat tunggal.\
- Terdapat tiga jenis ayat majmuk, iaitu:

- a) Ayat majmuk gabungan
- b) Ayat majmuk pancangan
- c) Ayat majmuk campuran

##### **(a) Ayat Majmuk Gabungan**

- Ayat majmuk gabungan ialah ayat yang terdiri daripada dua atau lebih ayat tunggal.
- Ayat majmuk gabungan digabungkan dengan menggunakan kata hubung gabungan seperti dan, serta, atau, tetapi, sambil dan sebagainya.

**Pembentukan Ayat Majmuk Gabungan**  
**Ayat Tunggal Ayat Majmuk Gabungan**

- a) Melati belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Utama.
- b) Adilah belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Utama.

Melati dan Adilah belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Utama.

- a) Erina seorang pelajar yang cerdik.
- b) Erina seorang pelajar yang malas.

Erina seorang pelajar yang cerdik tetapi malas.

- a) Kok Loong masuk ke dalam bilik.
- b) Kok Loong tidur.

Kok Loong masuk ke bilik lalu tidur.

- a) Abang memandang saya.
- b) Abang ketawa.

Abang memandang saya sambil ketawa.

- a) Awak nak minum kopi?
- b) Awak nak minum teh?

Awak nak minum kopi atau teh?

### **Ayat Majmuk Pancangan**

- Ayat majmuk pancangan ialah ayat yang mengandungi satu ayat induk dan satu atau beberapa ayat kecil lain yang dipancangkan ke dalam ayat induk dengan menggunakan kata hubung pancangan.
- Terdapat tiga jenis ayat majmuk pancangan, iaitu:
  - i) Ayat majmuk pancangan relatif
  - ii) Ayat majmuk pancangan komplemen
  - iii) Ayat majmuk pancangan keterangan

#### (i) Ayat Majmuk Pancangan Relatif

- Ayat majmuk pancangan relatif ialah ayat majmuk yang menggunakan kata hubung "yang".

### Pembentukan Ayat Majmuk Pancangan Relatif

#### Cara Pembentukan Ayat Majmuk Relatif

Ayat induk : Saya membaca majalah itu.

Ayat kecil : Majalah itu dibeli di kedai.

Saya membaca majalah yang dibeli di kedai itu.

Ayat induk : Budak lelaki itu duduk di atas bangku.

Ayat kecil : Budak lelaki itu adik saya.

Budak lelaki yang duduk di atas bangku itu adik saya.

Ayat induk : Kakak mempunyai dua helai baju.

Ayat kecil : Dua helai baju itu berwarna biru.

Kakak mempunyai dua helai baju yang berwarna biru.

Ayat induk : Emak membeli kain sutera.

Ayat kecil : Kain sutera itu berwarna merah.

Emak membeli kain sutera yang berwarna merah.

Ayat induk : Bas itu bas sekolah.

Ayat kecil : Abang saya menaiki bas.

Bas yang dinaiki abang saya itu bas sekolah.

#### (ii) Ayat Majmuk Pancangan Komplemen

- Ayat majmuk pancangan komplemen ialah ayat yang menggunakan kata hubung "bahawa" dan "untuk".

#### Cara Pembentukan Ayat Majmuk Komplemen

Ayat induk : Budak lelaki itu berjanji.

Ayat kecil : Dia tidak akan melakukan kesalahan itu lagi.

Kata hubung : bahawa

Budak lelaki itu berjanji bahawa dia tidak akan melakukan kesalahan itu lagi.

Ayat induk : Ibu pergi ke pasar.

Ayat kecil : Ibu membeli daging dan sayur-sayuran.

Kata hubung : untuk

Ibu pergi ke pasar untuk membeli daging dan sayur-sayuran.

### (iii) Ayat Majmuk Pancangan Keterangan

- Ayat majmuk pancangan keterangan ialah ayat majmuk yang terdiri daripada ayat induk dan ayat lain berfungsi untuk memberi keterangan.
- Terdapat beberapa jenis keterangan yang digunakan dalam ayat majmuk pancangan keterangan, iaitu:
  - Keterangan sebab --> kerana, lantaran, oleh sebab
  - Keterangan syarat -->jika, jikalau, kalau, sekiranya, andai kata
  - Keterangan waktu -->sejak, semenjak, setelah, sewaktu, tatkala, ketika, apabila
  - Keterangan pertentangan -->walaupun, meskipun, biarpun, walau bagaimanapun, namun, sedangkan
  - Keterangan harapan--> supaya, agar, semoga
  - Keterangan cara -->dengan
  - Keterangan perbandingan -->seperti, macam, seolah-olah, ibarat, bak

Pembentukan Ayat Majmuk Pancangan Keterangan

Cara Pembentukan Ayat Majmuk Keterangan

Ayat induk : Dia tidak pergi ke padang.

Ayat kecil : Hari hujan.

Kata hubung : kerana

Dia tidak pergi ke padang kerana hari hujan.

Ayat induk : Yoong Leng sedang tidur nyenyak.

Ayat kecil : Saya tiba di rumahnya.

Kata hubung : apabila

Yoong Leng sedang tidur nyenyak apabila saya tiba di rumahnya.

Ayat induk : Ibu menghiris bawang.

Ayat kecil : Dia menggunakan pisau.

Kata hubung : dengan

Ibu menghiris bawang dengan menggunakan pisau.

Ayat induk : Mazli berdoa.

Ayat kecil : Ibunya cepat sembah.

Kata hubung : agar

Mazli berdoa agar ibunya cepat sembah.

Ayat induk : Kakak masih belum balik lagi.

Ayat kecil : Hari sudah lewat malam.

Kata hubung : walaupun

Kakak masih belum balik lagi walaupun hari sudah lewat malam.

Ayat induk : Adik rajin berusaha.

Ayat kecil : Dia akan berjaya dalam peperiksaan.

Kata hubung : jika

Jika adik rajin berusaha, dia akan berjaya dalam peperiksaan.

### **Ayat Majmuk Campuran**

- Ayat majmuk campuran ialah ayat yang mengandungi lebih daripada satu jenis ayat, iaitu terdiri daripada campuran ayat tunggal dengan ayat majmuk atau beberapa ayat majmuk.
- Pembentukan Ayat Majmuk Campuran
  - Ayat tunggal : Ayah sedang membaca surat khabar.
  - Ayat komplemen : Ibu sedang memasak untuk tetamu yang akan datang ke rumah.

1. Ayah sedang membaca surat khabar manakala ibu sedang memasak untuk tetamu yang akan datang ke rumah.

Ayat pancangan relatif : Persekutaran yang bersih amat penting.

Ayat pancangan : Persekutaran yang bersih dapat menjamin kesihatan seseorang supaya tidak dijangkiti penyakit.

Persekutaran yang bersih amat penting bagi menjamin kesihatan seseorang supaya tidak dijangkiti penyakit.

Ayat majmuk gabungan : Bee Choo dan kawan-kawannya masih berdegil.

Ayat pancangan relatif : Mereka ditegur oleh guru disiplin yang garang itu.

Bee Choo dan kawan-kawannya masih berdegil meskipun ditegur oleh guru disiplin yang garang itu.

Ayat majmuk gabungan : Adik bangun lalu turun ke serambi.

Ayat komplemen : Kawan-kawan adik sedang menunggunya untuk pergi pergi bermain bola.

Adik bangun lalu turun ke serambi kerana kawan-kawannya sedang menunggunya untuk pergi bermain bola.

Ayat tunggal : Murid-murid rajin mengulang kaji pelajaran.

Ayat komplemen : Guru Besar mengumumkan bahawa peperiksaan akan diadakan pada bulan hadapan.

Murid-murid rajin mengulang kaji pelajaran setelah Guru Besar mengumumkan bahawa peperiksaan akan diadakan pada bulan hadapan.

### **AYAT AKTIF DAN AYAT PASIF**

- Ayat aktif ialah ayat yang mengandungi kata kerja yang memberi penekanan kepada subjek.
- Ayat aktif terdiri daripada ayat aktif transitif dan ayat aktif tak transitif.
- Ayat pasif pula ialah ayat yang mengandungi kata kerja yang memberi penekanan kepada objek.

Ayat Aktif --Ayat Pasif

Vincent membaiki radio yang rosak itu. (AYAT AKTIF)

Radio yang rosak itu dibaiki oleh Vincent. (AYAT PASIF)

Kamu perlu membasuh pinggan mangkuk itu.(AYAT AKTIF)

Pinggan mangkuk itu perlu kamu basuh. (AYAT PASIF)

Dia menulis karangan itu.(AYAT AKTIF)

Karangan itu ditulis olehnya.(AYAT PASIF)

Ayah membaca surat khabar.(AYAT AKTIF)

Surat khabar dibaca oleh ayah.(AYAT PASIF)

Mereka sedang membersihkan kawasan rumah. (AYAT AKTIF)

Kawasan rumah sedang dibersihkan oleh mereka. (AYAT PASIF)

\*Ayat-ayat di atas membawa maksud yang sama walaupun bentuknya berlainan.

## **AYAT AKTIF**

- Ayat aktif dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu:
  - (a) Ayat aktif transitif
  - (b) Ayat aktif tak transitif
  - (a) Ayat Aktif Transitif

Ayat aktif transitif ialah ayat yang mengandungi kata kerja transitif, iaitu yang diikuti oleh frasa nama sebagai objek atau unsur penyambutnya.

1. Saya mengelap tingkap.
2. Ibu menggoreng ikan.
3. Kami menghormati guru.
4. Beliau merasmikan majlis itu.
5. Merokok membahayakan kesihatan.
6. Bersukan menyihatkan badan.
7. Adik bermain bola.

### **Ayat Aktif Tak Transitif**

Ayat aktif tak transitif ialah ayat yang mengandungi kata kerja tak transitif, iaitu yang tidak diikuti oleh objek sebagai penyambutnya.

1. Adik menangis.
2. Kakak tidur.
3. Amran melukis.
4. Lydia bernyanyi.
5. Kami berehat.
6. Emak memasak.
7. Adik mandi.

\*Hanya ayat aktif transitif dapat dipasifkan kerana mempunyai objek.

## **AYAT PASIF**

Ayat pasif dapat dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu:

- a) Ayat pasif dengan imbuhan kata kerja pasif
- b) Ayat pasif dengan kata ganti nama diri pertama dan kedua
- c) Ayat pasif dengan kehadiran kata bantu pasif "kena"

(a) Ayat pasif dengan imbuhan kata kerja pasif

- Kata kerjanya mengandungi imbuhan kata kerja pasif di- dan ter-.
- Hanya digunakan untuk kata ganti nama diri ketiga.

Ayat contoh:

- (i) Pokok bunga itu ditanam oleh Li Mia.
- (ii) Baju sekolah itu digosok oleh Jun Meng.
- (iii) Kucing itu terlanggar oleh Sumudi.
- (iv) Batu itu tersepak oleh Helen.

Ayat pasif dengan kata ganti nama diri pertama dan kedua

- Kedua-dua jenis kata ganti nama diri ini diletakkan di hadapan kata kerja dasar kerana tidak boleh menerima imbuhan kata kerja pasif di-.

Ayat contoh:

- (i) Masalah itu akan saya selesaikan.
- (ii) Bilik itu patut kamu kemaskan.
- (iii) Titah tuanku akan patik junjung.
- (iv) Keamanan negara harus kitakekalkan.

Ayat pasif dengan kehadiran kata bantu pasif "kena"

- Mengandungi perkataan "kena" di hadapan kata kerja dasar yang tidak menerima awalan.

Ayat contoh:

- (i) Anjing liar itu kena tembak oleh pemburu.
- (ii) Dia kena culik oleh pengganas itu.
- (iii) Kanak-kanak itu kena pukul oleh ibunya.
- (iv) Mereka kena denda oleh guru tingkatan.

## **BENTUK AYAT, SUSUNAN DALAM AYAT**

Bentuk ayat bahasa Melayu terbahagi kepada dua iaitu:

1. Ayat Tunggal: ayat tunggal ialah ayat-ayat yang mengandungi satu subjek dan satu predikat.

Contoh: Ali tampan.

Dalam ayat ini Ali ialah subjek dan tampan ialah predikat.

2. Bentuk yang kedua ayat majmuk. Ayat majmuk terbahagi kepada 3 iaitu:

a. Ayat majmuk gabungan.

b. Ayat majmuk pancangan.

c. Ayat majmuk campuran.

Ayat majmuk gabungan ialah ayat yang terdiri daripada dua ayat atau lebih kemudian

digabungkan menjadi ayat majmuk gabungan dengan menggunakan kata hubung gabungan.

Contoh kata hubung gabungan: dan, atau, tetapi, serta, sambil, lalu, lagi dan sebagainya.

Namun begitu, penggunaan kata hubung yang berbeza menghasilkan dua jenis gabungan iaitu:

a. Ayat majmuk gabungan yang susunan faktanya berurutan. Ayat majmuk gabungan jenis ini menggunakan kata hubung dan, lalu, lagi, serta, sambil, malahan.

Contoh: Dia mengambil buku itu lalu masuk ke bilik tidur.

Ayat ini terdiri daripada dua ayat iaitu, ayat pertama dia mengambil buku itu, ayat kedua dia masuk ke bilik tidur.

b. Ayat majmuk gabungan yang susunan faktannya bertentangan. Ayat majmuk ini memberikan pertentangan fakta. Antara kata hubung yang digunakan ialah atau, tetapi, sebaliknya, melainkan, padahal.

Contoh:

- Musim hujan dingin, sebaliknya musim kemarau panas.
- Kain yang dibelinya itu mahal, padahal ada yang lebih murah.

Ayat majmuk pancangan terdiri daripada satu ayat induk atau utama dan satu beberapa ayat kecil yang dipancangkan dalam ayat induk. Ayat induk boleh berdiri sendiri tetapi ayat kecil tidak.

Ayat majmuk pancangan boleh dibahagikan kepada tiga iaitu:

- a. Ayat majmuk pancangan relatif.
  - b. Ayat majmuk pancangan komplemen.
  - c. Ayat majmuk pancangan keterangan.
- Ayat majmuk pancangan relatif ialah ayat majmuk yang menggunakan kata hubung pancangan yang mennggunakan kata hubung yang untuk memancangkan klausa kecil ke dalam kalusa induk.

Contohnya: Saya membaca buku yang ditulis oleh Othman Puteh.

- Klausa induk: Saya membaca buku.
- Klausa kecil: Buku ditulis oleh Othman Puteh.
- Saya membaca buku + buku ditulis oleh Othman Puteh.
- Saya membaca buku yang ditulis oleh Othman Puteh.

Demikianlah bagaimana ayat majmuk relatif dihasilkan.

Ayat Majmuk:

1. Ayat majmuk gabungan
2. Ayat majmuk pancangan
3. Ayat majmuk pancangan relatif
4. Ayat majmuk pancangan komplemen
5. Ayat majmuk pancangan keterangan
6. Ayat majmuk campuran

Pengenalan:

- Ayat sebagai unit bahasa yang tertinggi boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu ayat tunggal dan ayat majmuk.
- Penjenisan ini dibuat berdasarkan bilangan klausa dalam ayat berkenaan.
- Jika dipandang ayatnya dari segi ragamnya, kita dapati pula ayat aktif dan ayat pasif.
- Jika kita amati pula tujuan ayat, maka kita dapati pula ayat penyata, ayat tanya ayat perintah, dan ayat seru.
- Sebelum ini kita telah melihat binaan ayat dan kita temui ayat dasar dan ayat tebitan.
- Di samping itu, kita pula mengkaji pola ayat dasar.

### Ayat tunggal

- Ayat tunggal ialah ayat terbentuk daripada satu klausa, iaitu ayat yang terdiri daripada satu subjek dan satu predikat.
- Ayat dasar juga adalah ayat tunggal, tetapi bukan semua ayat tunggal dapat dianggap sebagai ayat dasar.
- Ayat dasar merupakan ayat tunggal jenis ayat penyata dan ragam ayat aktif.
- Ayat ini juga dikenali sebagai ayat mudah dan ayat selapis.

Contoh: Lelaki itu / sedang menembak burung.

Subjek – lelaki itu.

Predikat – sedang menembak burung.

Ayat-ayat berikut ialah contoh ayat-ayat tunggal.

(subjek ditebalkan, selainnya ialah predikat)

<b>Ibu negara</b> Malaysia Kuala Lumpur.
<b>Gunung Kinabalu</b> gunung tertinggi di Asia Tenggara.
Di dalam almari <b>tali leher ayah.</b> (pasif)
<b>Nama encik</b> siapa?
Berapakah <b>keuntungan kita hari ini?</b>

- Telah dinyatakan bahawa ayat tunggal terdiri daripada satu subjek dan satu predikat.
- Subjek ayat tunggal boleh terdiri daripada frasa nama, frasa kerja dan frasa adjektif.
- Begitu juga dengan predikat ayat tunggal boleh terdiri daripada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama.

### Ayat Majmuk

- Terdiri lebih daripada satu klausa.
- Ayat majmuk ialah ayat yang mengandungi dua atau lebih ayat – ayat tunggal disambungkan oleh perkataan Kata Hubung seperti dan, atau, kecuali, tetapi, sambil, seraya dan sebagainya.

### Ayat Majmuk Gabungan

- Ayat majmuk gabungan ialah ayat yang dibina oleh dua atau klausa bebas dengan menggunakan kata hubung seperti dan, atau, tetapi, serta, lalu dan sebagainya.
- Koma mungkin digunakan jika gabungan terdiri daripada tiga atau lebih klausa.

Cuba teliti contoh dibawah:

1. Aminah pandai menyanyi dan menari.
2. Aminah pandai menyanyi.
3. Aminah pandai menari.

Ayat yang (1) berasal daripada (2) dan (3).

- Kedua-dua ayat (2) dan (3) dihubungkan dengan menggunakan kata hubung dan.
- Klaus (2) dan (3) sama tarafnya iaitu klaus utama.

Lihat contoh berikut:

1. Pengetahuan pemidato itu sempit, hujah-hujahnya cetek serta contoh-contoh yang dinyatakan tidak menarik.
2. Pengetahuan beliau sempit.
3. Hujah-hujahnya cetek.
4. Contoh-contoh yang dinyatakan tidak menarik.

- Ayat (1) berasal daripada ayat (2), (3) dan (4).
- Ketiga-tiga ayat digabungkan menjadi satu ayat dengan menggunakan koma dan kata hubung 'serta'.
- Semua klaus sama tarafnya, iaitu klaus utama.
- Ayat majmuk gabungan boleh jadi ayat yang mengandungi fakta yang sejajar atau fakta yang bertentangan.
- Untuk fakta yang bertentangan, kata hubung seperti dan, serta, tambahan pula, sambil dan sebagainya.
- Untuk fakta yang bertentangan, kata hubung seperti tetapi, sebaliknya, padahal dan sebagainya.

#### Ayat Majmuk Pancangan

- Ayat majmuk pancangan ialah ayat yang dibentuk oleh klaus yang tidak setara.
- Ini bermakan dalam ayat berkenaan terdapat satu klaus bebas atau ayat utama dan satu atau lebih klaus tak bebas atau ayat kecil.
- Ayat kecil dipancangkan di dalam ayat utama dengan menggunakan kata hubungan seperti yang, bahawa, kerana, jika, apabila, sungguhpun dan sebagainya.
- Dalam bahasa Melayu, ayat majmuk pancangan dapat dibahagikan kepada tiga jenis iaitu ayat relatif, ayat komplemen, dan ayat keterangan.

Jenis-jenis ayat majmuk pancangan:

Ayat Majmuk Pancangan		
Ayat Relatif	Ayat Komplemen	Ayat Keterangan
<p>-Ayat relatif terdiri daripada satu klausa bebas atau ayat utama dan satu atau lebih klausa terikat atau ayat kecil.</p> <p>-Ayat kecil dipancangkan ke dalam subjek ayat utama atau predikat ayat utama dengan menggunakan kata hubung.</p>	<p>-Ayat majmuk komplemen ialah ayat utama yang dipancangkan dengan ayat kecil yang seterusnya menjadi komplemen kepada ayat utama.</p> <p>Perhatikan contoh berikut: Dia memberitahu sesuatu.</p>	<p>-Ayat majmuk keterangan ialah ayat majmuk yang terdiri daripada satu ayat utama dan satu atau lebih ayat kecil yang bertugas sebagai keterangan kepada predikat.</p> <p>Contoh: Pemain hoki negara gagal kerana tidak bersedia.</p>

#### Ayat Majmuk Pancangan Keterangan

- Ayat majmuk keterangan ialah ayat yang terdiri daripada satu ayat utama dan satu atau lebih ayat kecil yang bertugas sebagai keterangan kepada predikat.

Contoh:

- Pemain hoki gagal kerana tidak bersedia.
- Oleh sebb dia memandu terlalu laju, Atan menerima empat saman.
- Ayat kecil dalam ayat majmuk keterangan menerangkan kata kerja dalam ayat utama, iaitu pemain hoki negara gagal dan Atan menerima empat saman.
- Ayat majmuk keterangan dibina untuk pelbagai tujuan dengan menggunakan kata hubung yang tertentu.

Contoh-contoh kata hubung dalam ayat keterangan:

kerana, oleh, sebab, lantaran, hingga sehingga, jika, kalau, sekiranya, andainya, setelah, tatkala, sementara, ketika, sambil, agar, supaya, kalau-kalau, untuk, bagi, demi, dengan, sungguhpun, walaupun, meskipun, sekalipun, seperti, bagi, macam, bak, utama.

#### Ayat Majmuk Campuran

- Ayat majmuk campuran ialah ayat yang mengandungi lebih daripada satu jenis ayat.
- Ayat ini mungkin terdiri daripada ayat tunggal dan ayat majmuk gabungan atau ayat majmuk pancangan.
- Biasanya, ayat ini jenis panjang.

- Panjang pendek bukanlah kriteria ayat majmuk campuran tetapi bilangan subjek dan predikatnya atau bilangan klausanya.

Perhatikan contoh-contoh di bawah.

Klausa utama ditandakan 'U' dan bilangannya dinomborkan, ayat kecil ditandakan 'K' dan bilangannya dinomborkan.

Contoh 1:

Negara mengalami masalah ekonomi (U1) tetapi keadaannya bertambah baik (U2) apabila pertumbuhan ekonomi mula berkembang semula (K1).

(ayat campuran ini terdiri daripada ayat gabungan dan ayat keterangan waktu, atau dua ayat utama dan satu ayat kecil).

Contoh 2:

Apabila kami tiba di Langkawi (K1) kami disambut oleh jawatankuasa (U1) dan kami diperkenalkan kepada Pegawai Daerah (U2) sera Ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung (U3).

(ayat campuran terdiri daripada tiga ayat utama dan satu ayat kecil)

Contoh 3:

Ketika pihak bomba sampai (K1) kebakaran itu mula merebak (U1) walaupun penduduk di situ cuba mengawal api (K2).

(ayat campuran yang mengandungi satu klausa utama dan dua ayat kecil atau ayat tunggal dengan ayat keterangan waktu dan keterangan pertentangan).

### Susunan Dalam Ayat

- Apabila berbincang tentang ayat, kita juga membicarakan aspek susunannya. Susunan ayat merujuk proses perubahan struktur binaan subjek dan predikat dalam sesuatu ayat. Dari segi bentuk susunan, ayat dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu bentuk susunan biasa dan susunan songsang. Susunan biasa bermaksud binaan ayat yang mempertahankan pola ayat dasar, iaitu unsur frasa subjek didahului frasa predikat.

### Subjek + Predikat

1. Ali + guru sementara di sekolah itu.
2. Adik bongsuku + sedang tidur di serambi rumah.
3. Pegawai kanan pejabat itu + amat rajin dan cekap pula.
4. Rumah kediamannya + di Kampung Baru dalam Wilayah Persekutuan.

Dalam contoh ayat 1-4 di atas, misalnya, walaupun ayat tersebut merupakan ayat terbitan yang bentuknya agak panjang atau kompleks, namun dari segi susunannya, ayat-ayat tersebut tetap tergolong ke dalam susunan biasa. Hanya apabila susunan frasa subjek mendahului frasa predikat itu diubah sehingga predikat pula mendahului subjek, barulah terbentuk ayat yang bersusunan songsang, seperti contoh yang berikut:

### Predikat + Subjek

5. Guru sementara di sekolah itu + Ali.
6. Sedang tidur di serambi rumah + adik bongsuku.
7. Amat rajin dan cekap pula + pegawai kanan pejabat itu.
8. Di Kampung Baru dalam Wilayah Persekutuan + rumah kediamannya.

Contoh-contoh lain :

### Susunan Biasa (Subjek diikuti Predikat)

1. Kamu ke sana bila?
2. Budak itu menangis.
3. Hadiah itu untuk ibu saya.
4. Dia tertidur pada masa itu.
5. Bapa saya sedang memancing.
6. Anaknya sudah pulang ke rumah.
7. Buku itu belum dibaca oleh Rafik.
8. Gadis kampung seberang itu anak siapa?
9. Dia ke rumah Puan Salmah petang semalam.
10. Bunga pemberian gadis itu memang wangi.

### Susunan Songsang (Predikat diikuti Subjek)

1. Bila kamu ke sana?
2. Menangis budak itu.
3. Untuk ibu saya hadiah itu.
4. Tertidur dia pada masa itu.
5. Sedang memancing bapa saya.

6. Sudah pulang anaknya ke rumah.
7. Belum dibaca oleh Rafik buku itu.
8. Anak siapakah gadis kampung seberang itu?
9. Ke rumah Puan Salmah dia petang semalam.
10. Memang wangi bunga pemberian gadis itu.